

# **Khidmat Komuniti Siswa UTHM: Pendekatan dan Pelaksanaan**

**Muhammad Suhaimi Sulong<sup>1</sup>**

**Khairunesa Isa<sup>2</sup>**

**Mohd Safiee Idris<sup>3</sup>**

**Azita Ali<sup>4</sup>**

**Sarebah Warman<sup>5</sup>**

**Ahmad Esa<sup>6</sup>**

<sup>1,3</sup>Pusat Pendidikan Teknik dan Vokasional Termaju,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor, MALAYSIA

<sup>2</sup>Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor, MALAYSIA

<sup>4,5,6</sup>Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor, MALAYSIA  
msuhaimi@uthm.edu.my

## **ABSTRAK**

Khidmat komuniti merupakan salah satu elemen pembangunan Kemahiran Insaniah (KI) dalam program sokongan yang berfokuskan bukan akademik. Kini ia dilaksanakan oleh banyak institusi pengajian tinggi dengan matlamat dan objektif yang agak sama tetapi dalam pelbagai pendekatan dan berbeza kaedah pelaksanaannya. Dengan mengambil konsep Kuliah Kerja Nyata (KKN) yang dipelopori oleh Universitas Gadjah Mada di Indonesia, kertas kerja ini menghuraikan pendekatan dan pelaksanaan Khidmat Komuniti Siswa (KKS) sebagai projek rintis KKN oleh Pusat Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Seramai 350 mahasiswa yang mengikuti kursus Khidmat Masyarakat bermula pada sesi akademik 2013/2014 hingga sesi 2014/2015 telah mengikuti program KKS ini dan telah dilaksanakan di Taman Cendana, Pasir Gudang, Johor melalui Projek Rakan Komuniti UTHM. Konsep PDCA telah digunakan dan satu model telah dibangunkan iaitu Sepuluh Elemen KKS (10E). Kewujudan elemen-elemen KKS ini diterapkan dalam diri mahasiswa bagi menjalankan proses pembangunan komuniti dengan memberi sumbangan kepada komuniti melalui cara pemindahan pengetahuan. Pemahaman terhadap elemen-elemen KKS ini adalah amat penting bagi membantu pembuat dasar dan pelaksana program dalam melancarkan usaha meningkatkan ekonomi dan kualiti hidup komuniti setempat. Dengan itu, lahirlah sebuah komuniti yang maju, produktif dan terlibat secara aktif dalam aktiviti yang dilaksanakan di samping melahirkan mahasiswa yang berkeyakinan tinggi dan berdaya saing serta mempunyai nilai-nilai murni dan nilai tambah dalam diri setiap mahasiswa.

**Kata kunci:** Khidmat komuniti, kemahiran insaniah, kokurikulum, khidmat masyarakat

## **PENGENALAN**

Dalam memperkasakan sistem pendidikan negara, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah melancarkan satu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia bagi


---

sektor Pengajian Tinggi, ringkasnya PPPM(PT) untuk sepuluh tahun akan datang iaitu bermula tahun 2015 hingga tahun 2025. Dalam pelan strategik ini, terdapat sepuluh lonjakan yang akan membawa sistem pendidikan negara ke peringkat global dan bersaing dalam arena antarabangsa. Salah satu lonjakan yang dapat membantu peningkatan mutu graduan adalah pada lonjakan pertama yang menekankan kepada Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang iaitu berilmu dan berakhlak serta mempunyai keupayaan untuk menyumbang kepada negara dan dunia. Menurut Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam Utusan Malaysia 9 Disember 2014, matlamat terakhir pelaksanaan PPPM(PT) kelak adalah penghasilan modal insan yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan pesat negara yang mengambil kira pembangunan lestari (Baharom, 2014). Tambah beliau, para mahasiswa harus dididik dan digilap agar dapat mempunyai enam ciri utama iaitu mempunyai sifat kepimpinan bercirikan global, memupuk nilai-nilai etika dan kerohanian serta fasih berbahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan seeloknya menguasai bahasa ketiga seperti bahasa Mandarin serta harus mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi, menguasai ilmu pengetahuan terkini dan mempunyai jati diri serta identiti sebagai rakyat Malaysia (Ibid). Ini sejajar juga dengan Teras Strategik Ketiga yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) 2016-2020 iaitu meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju bagi memantapkan lagi sistem pendidikan tinggi Negara (Jabatan Perdana Menteri, 2015). RMK11 ini pula merupakan rancangan pembangunan lima tahun terakhir ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020 negara Malaysia.

Universiti Awam (UA) kini sangat memainkan peranan penting dalam merealisasikan matlamat dan objektif Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia tersebut dimana revolusi pendidikan negara dilihat amat kritikal untuk menjadikan Malaysia sebuah hab pendidikan terkemuka di peringkat antarabangsa. Selain daripada mempunyai program kurikulum yang bermutu dan diiktiraf, penjana sumber manusia atau pembentukan modal insan yang memiliki semua ciri insan kamil adalah merupakan cabaran dan tanggungjawab yang besar bagi UA khususnya UTHM. Salah satu aspek yang dapat membantu membangunkan modal insan dengan minda kelas pertama ini adalah melalui aktiviti kokurikulum. Ini disokong oleh Manaf dan Fauzee (2002) yang mendapati bahawa aktiviti kokurikulum memainkan peranan penting dalam membangunkan Kemahiran Insaniah (KI) individu dan lebih sesuai dalam menanam, memupuk dan memberi latihan awal dari segi aspek kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan di kalangan pelajar.

Terdapat pelbagai kerangka pembangunan dan pendekatan yang boleh digunakan oleh UA dalam usaha membangunkan KI dalam kalangan pelajar. Walaubagaimanapun, pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah menetapkan satu kerangka pembangunan KI seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.0 supaya UA dapat merancang dan melaksanakan program pembangunan KI ini. Kementerian juga telah menggariskan tujuh jenis KI yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional, dan kemahiran kepimpinan (Pusat Pembangunan Akademik, 2007).

---



**Rajah 1.0: Kerangka Pembangunan Kemahiran Insaniah (sumber Kementerian Pengajian Tinggi, 2006)**

Berdasarkan kepada kerangka tersebut, pendekatan ini berfokuskan kepada gabungan pelbagai program atau aktiviti utama; aktiviti formal pengajaran dan pembelajaran (melibatkan semua elemen kurikulum dan kokurikulum), program sokongan (yang berfokuskan akademik dan bukan akademik), serta kehidupan mahasiswa di kampus (kolej kediaman dan persekitaran kampus).

Dengan terbinanya KI sebagai nilai tambah dalam diri para graduan, maka ianya akan dapat memenuhi keperluan dan permintaan industri serta mampu berdaya saing di pasaran pekerjaan. Antara kelemahan graduan adalah tidak berterampil, tidak berkemahiran termasuk KI yang diperkatakan oleh pihak majikan di samping pasaran kerja yang kompetitif. Melalui analisis keperluan industri oleh Esa, Yunos dan Kaprawi (2005), KI yang perlu dikuasai oleh pekerja adalah meliputi kemahiran penyelesaian masalah, membuat keputusan, kerja kumpulan, kepimpinan, komunikasi, interpersonal dan pengurusan. Oleh yang demikian, aktiviti kokurikulum yang bertepatan dalam melahirkan graduan yang memiliki kemahiran yang seimbang dan menyeluruh terutamanya keterampilan insaniah yang merangkumi aspek sikap, akhlak dan sebagainya (Hassan, Ahmad & Bahari, 2008) seperti yang disebut sebelum ini adalah melalui kursus Khidmat Masyarakat.

#### **Kursus Khidmat Masyarakat**

Kursus Khidmat Masyarakat di UTHM adalah salah satu kursus dijalankan melalui Kokurikulum Berkredit oleh Pusat Kokurikulum. Konsep Kursus Kokurikulum Berkredit (KB) adalah memastikan setiap pelajar berketerampilan dalam KI yang

menyokong perkembangan atribut pelajar dan berfokuskan kepada pembelajaran melalui pengalaman sambil menerapkan nilai murni dan melatih interaksi sosial yang tinggi kepada pelajar. Menurut Adnan *et al.*, 2013, ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu “Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketerampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan Negara.”

Matlamat kursus Kokurikulum Berkredit ini bertujuan untuk melahirkan para pelajar sebagai ahli teknologi dan professional yang mempunyai sikap positif, berfikiran kreatif, kritis dan inovatif dalam menyelesaikan masalah di samping mengamalkan etika dan nilai murni untuk kesejahteraan sejagat. Hasil pembelajarannya adalah mengaplikasi pengetahuan dalam KKB yang diikuti dan mengamalkan semangat kerja berpasukan dalam aktiviti kokurikulum serta mempamerkan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dalam aktiviti kokurikulum yang diceburi.

Bagi kursus Khidmat Masyarakat satu kredit ini pula adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kefahaman berkenaan khidmat masyarakat dengan mengamalkan kemahiran perancangan dan perundingan, dan merupakan salah satu elemen pembangunan KI dalam program sokongan yang berfokuskan bukan akademik. Ia juga ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan khidmat masyarakat, penubuhan jawatankuasa pelaksana khidmat masyarakat, penyediaan kertas kerja, mesyuarat dengan agensi, kaedah berkomunikasi dengan masyarakat, simulasi program, pelaksanaan program, penyediaan dan pembentangan laporan program. Jumlah jam belajar bagi kursus ini adalah selama 42 jam di mana sebanyak 14 jam yang terlibat jumlah jam amali adalah merupakan projek atau tugas luar. Kandungan projek atau tugas luar adalah praktikum yang berbentuk kerja lapangan. Kursus Khidmat Masyarakat ini adalah kursus yang paling terbesar dan paling banyak seksyen kuliah iaitu hampir mencecah 10 seksyen, di mana setiap seksyen mempunyai seramai antara 25 hingga 30 pelajar.

Pada akhir kursus ini para pelajar dapat mengorganisasi kumpulan untuk menjalankan program khidmat masyarakat berasaskan elemen-elemen khidmat masyarakat, mempamerkan semangat kerja berpasukan semasa menjalankan program khidmat masyarakat berdasarkan kertas kerja yang di bina, dan menerapkan sifat keprihatinan terhadap keperluan masyarakat melalui program khidmat masyarakat yang dijayakan. Elemen-elemen yang dinilai dalam kursus ini adalah penilaian dalam kemahiran insaniah, kemahiran bidang dan kerja kursus seperti dalam Jadual 1.0.

**Jadual 1.0: Penilaian Kursus Khidmat Masyarakat**


Elemen	Aspek	Peratus	Jumlah
Kemahiran Insaniah	• Kemahiran kerja berkumpulan	15%	30%
	• Pembelajaran sepanjang hayat	15%	
Kemahiran Bidang	• Ujian kecergasan	20%	30%
	• Ujian pratikal	10%	
Kerja Kursus	• Laporan bertulis	10%	40%
	• Pembentangan (penyampaian idea)	5%	
	• Sesi soal jawab	10%	
	• Pembentangan (kemahiran)	15%	

Melalui kursus Khidmat Masyarakat yang sedia ada ini, Pusat Kokurikulum UTHM mengambil langkah yang efisien dan peluang untuk melaksanakan konsep Kuliah Kerja Nyata (KKN) yang dipelopori oleh Universitas Gadjah Mada, Indonesia. KKN ini adalah satu konsep khidmat masyarakat yang dijalankan oleh universiti-universiti di Indonesia kepada masyarakat dan komuniti khususnya di luar bandar dan kawasan pedalaman selama dua bulan secara berterusan. Konsep ini sangat menekankan aspek kemahiran insaniah dan dijadikan satu syarat wajib oleh pihak universiti kepada semua pelajar-pelajar sebelum mereka bergelar graduan. Kebanyakan program khidmat masyarakat dilaksanakan adalah secara jangka pendek atau *one-off* dimana ianya kurang efektif dan kurang memberi kesan kepada pelajar dan juga masyarakat. Oleh yang demikian, program yang menggunakan konsep KKN ini secara jangka panjang sangat diperlukan dan boleh dipraktikkan di Malaysia iaitu satu konsep yang diberi nama Khidmat Komuniti Siswa (KKS) UTHM diwujudkan melalui Program Rakan Komuniti UTHM untuk dijadikan sebagai projek rintis KKN.

#### **Khidmat Komuniti Siswa**

Khidmat Komuniti Siswa (KKS), UTHM adalah satu konsep dijalankan dalam kursus Khidmat Masyarakat melalui Kokurikulum Berkredit yang menerapkan KI dalam diri mahasiswa bagi proses pembangunan masyarakat yang maju dan produktif. Matlamat utama adalah untuk merapatkan jurang antara golongan mahasiswa dengan masyarakat sekeliling. Antara tujuan lain adalah memberikan pengalaman pembelajaran secara langsung kepada mahasiswa sebagai agen pembangunan masyarakat, menerapkan sikap keprihatinan dan rasa bertanggungjawab terhadap masyarakat yang memerlukan, membantu meningkatkan pembangunan masyarakat melalui teknologi dan kemahiran yang diperolehi sepanjang pengajian di universiti, dan mendekatkan mahasiswa serta warga universiti dengan masyarakat dalam memupuk keharmonian dan kemajuan negara. Tambahan lagi, KKS juga bertujuan untuk membangunkan masyarakat disamping mengharumkan nama baik universiti dengan mewujudkan rangkaian muafakat dan jalinan mesra antara mahasiswa, universiti, masyarakat setempat, kerajaan tempatan, agensi-agensi kerajaan dan swasta, serta industri.

Oleh yang demikian, satu model telah dibangunkan oleh Pusat Kokurikulum UTHM iaitu Sepuluh Elemen KKS, ringkasnya 10E untuk diterapkan dalam diri mahasiswa bagi menjalankan proses pembangunan komuniti dengan memberi sumbangan kepada komuniti melalui cara pemindahan pengetahuan. Elemen-elemen KKS ini seperti yang tertera di Rajah 2.0 adalah kepimpinan, kesukanan, pendidikan, kebersihan, kebudayaan, keselamatan, kerohanian, kemahiran, infrastruktur dan keusahawanan.




**Rajah 2.0: Model 10E KKS**

Ia telah digariskan, dibentuk dan disimbolikan seperti sebuah rumah yang berdiri megah dengan disokong oleh sepuluh tiang. Tiang-tiang rumah ini lah dijadikan sebagai teras kepada 10E KKS agar rumah yang dibina kuat dan teguh. Bumbung rumah ini pula adalah sebagai visi supaya matlamat yang ditetapkan dapat dicapai dan ianya akan tercapai dengan gemilangnya apabila elemen-elemen tersebut dilaksanakan dengan cemerlangnya (Sulong *et al.*, 2015).

#### **a. Pendekatan**

Dalam memastikan segala program yang dijalankan dirancang secara teratur dan tersusun, pendekatan konsep Kitaran PDCA (*Plan*;Merancang, *Do*;Melaksana, *Check*;Memeriksa, *Act*;Tindakan) yang dibangunkan oleh Dr W. Edwards Deming telah digunakan dalam KKS seperti dalam Rajah 3.0.



**Rajah 3.0: Kitaran PDCA**


Merujuk kepada Rajah 3.0, kitaran PDCA mempunyai 4 Fasa iaitu yang pertama adalah Fasa Merancang dimana dalam fasa ini para pelajar menetapkan tema atau program dan sasaran program yang hendak dilaksanakan. Sementara itu, para pelajar juga mengenali, memilih dan menganalisa masalah sebelum meneruskan fasa yang kedua. Dalam fasa kedua iaitu Fasa Melaksana, para pelajar mengumpul dan menganalisa data yang diperolehi disamping menganalisa punca serta menyediakan cadangan penyelesaian. Fasa ini juga memerlukan pelajar untuk merangka pelan tindakan dan membuat persembahan di peringkat jawatankuasa pengurusan agar dapat melicinkan pelaksanaan program. Dengan kata lain, dalam dua fasa awal ini pelajar membuat gerak kerja awal iaitu pemilihan kawasan dan penetapan elemen KKS yang hendak dilaksanakan, menentukan senarai agensi-agensi yang terlibat, menyediakan kertas kerja dan bajet, serta mewujudkan kumpulan jawatankuasa pelaksana.

Kemudian, para pelajar dikehendaki mengatasi keputusan yang dibuat serta menilai dan membuat tindakan pembedahan (jika ada) dalam Fasa Memeriksa sebagai fasa ketiga. Pelajar juga perlu membuat persembahan kumpulan bagi membentangkan keputusan dan pembedahan yang disepak. Fasa terakhir iaitu Fasa Tindakan pula, pelajar melaksanakan program dengan memastikan segala rancangan dan piawaian yang dirangka dan dicadangkan dapat dipenuhi. Ini bermaksud dua fasa terakhir adalah gerak kerja pelaksanaan program dengan adanya perasmian dan penutupan program serta aktiviti-aktiviti yang dirangka, disamping membuat pemantauan dan penambahbaikan sepanjang program dilaksanakan.

#### **b. Pelaksanaan**

Seramai 350 pelajar Tahun 1 hingga Tahun 4 dari pelbagai jurusan bidang pengajian telah mengikuti kursus Khidmat Masyarakat bermula pada sesi akademik 2013/2014 hingga sesi 2014/2015. Mereka telah melalui satu proses pengajaran dan pembelajaran kokurikulum dan menjalani kerja lapangan di tempat yang ditetapkan.

Berdasarkan kepada pendekatan PDCA, para pelajar telah melalui satu proses kerja pelaksanaan KKS seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.0.



**Rajah 4.0: Carta Alir Proses Kerja Pelaksanaan KKS.**

Pelaksanaan KKS ini adalah berasaskan kepada pelaksanaan aktiviti atau program secara bersama antara pelajar, masyarakat di Taman Cendana, Pasir Gudang, Johor dan juga agensi-agensi kerajaan yang terlibat seperti Pejabat Menteri Besar Johor, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan lain-lain lagi. Aktiviti-aktiviti yang berdasarkan kepada 10E KKS yang telah dilaksanakan sepanjang hampir dua tahun ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.0. Disamping aktiviti-aktiviti yang dijalankan, program anak angkat juga telah diadakan bagi mewujudkan suasana harmoni dan sifat kekeluargaan antara pelajar dan masyarakat setempat di dalam rumah masyarakat tersebut seperti simboliknya pada Model 10E KKS.



**Jadual 2.0: Aktiviti 10E KKS**

Elemen	Aktiviti
Kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bengkel Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi</li> <li>• Bengkel Kesedaran ISO 9001:2008</li> </ul>
Kerohanian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Forum Perdana Kejiranan</li> <li>• Majlis Khatam Al-Quran</li> <li>• Bacaan Yassin dan Tahlil Perdana</li> <li>• Program Korban Aidiladha</li> </ul>
Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program 'Oh My Little Einstein'</li> <li>• Jom Terokai Dunia IT</li> <li>• DIY dan Explorace</li> <li>• Catur Bestari</li> </ul>
Kemahiran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus Asas Pendawaian Elektrik</li> <li>• Kursus Asas Binaan Bangunan</li> <li>• Kursus Katering dan Masakan Indo</li> </ul>
Keusahawanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus Asas Perniagaan dan Keusahawanan</li> <li>• Seminar Pengurusan Kos Sara Hidup</li> <li>• Seminar Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit</li> </ul>
Kebudayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Budaya Warisan Bangsa</li> <li>• Kursus Muzik Angklung</li> <li>• Pertandingan Lagu Nasyid</li> <li>• Pertandingan Tarian Zapin</li> </ul>
Kebersihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gotong-royong Perdana Kawasan Blok dan Masjid</li> </ul>
Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seminar Seni Pertahanan Diri Taekwondo</li> <li>• Pembentukan Pasukan RELA</li> </ul>
Kesukanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertandingan Futsal</li> <li>• Senamrobik Budaya Hidup Sihat</li> </ul>
Infrastruktur	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembinaan Kiosk Niaga (2 unit)</li> <li>• <i>Mini Library</i> Masjid An-Nur Taman Cendana</li> </ul>

Selain daripada melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berdasarkan kepada 10E KKS, aktiviti penyelidikan juga telah dilaksanakan yang berbentuk kajian tindakan berteraskan kepada isu kejuruteraan dan teknologi, serta juga dalam isu sosial dan ekonomi. Kajian ini telah dijalankan oleh para pelajar pasca siswazah sebagai satu Projek Sarjana dengan pengajar-pengajar Khidmat Masyarakat sebagai penyelia mereka. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa hasil pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini adalah merupakan satu penyelidikan yang juga disarankan oleh pihak pengurusan Pusat Kokurikulum.

## KESIMPULAN

Khidmat Komuniti Siswa UTHM telah dilaksanakan dengan jayanya oleh mahasiswa UTHM mengikut objektif dan elemen yang ditetapkan. Dengan aktiviti yang telah dilaksanakan itu, mahasiswa telah dapat meningkatkan dan memantapkan lagi kemahiran insaniah serta telah dapat mewujudkan kejiwaan kemasyarakatan dalam diri mahasiswa, disamping telah mewujudkan masyarakat yang berilmu dalam bidang teknikal, berkemahiran dan berkepimpinan yang dikatakan sebagai Teknologi Komuniti. KKS yang dikatakan sebagai satu program UCE (University-Community Engagement) dengan UTHM sebagai Pusat Transformasi Komuniti Universiti atau dikenali sebagai UCTC (University-Community Transformation Centre), telah bertindak sebagai pemindahan ilmu oleh para pelajar daripada universiti kepada masyarakat setempat selaras dengan moto universiti, *Dengan Hikmah, Kami Meneroka*. KKS juga telah memberi persediaan kepada pelajar untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan seterusnya menjadi graduan yang berkualiti tinggi dalam menghadapi persaingan dalam dunia pekerjaan yang semakin sengit. Sebagai kesimpulannya, pendekatan dan pelaksanaan KKS ini adalah merupakan pengalaman UTHM dalam merealisasikan matlamatnya bagi meletakkan sistem pendidikan tinggi negara antara yang terbaik dan dihormati di persada dunia khususnya dalam bidang Khidmat Masyarakat Kokurikulum.

## REFERENCES

- Adnan, M. F., Latib, A. A., Hashim, S., & Mamat, N. S. (2013). Impak kursus UTM dan Khidmat Komuniti terhadap pembangunan kemahiran insaniah pelajar Universiti Teknologi Malaysia. *Second International Seminar on Quality and Affordable Education*, 406-410.
- Akil, S. M. S. (2007). *Cabaran Kepimpinan Kokurikulum*. Shah Alam: Penerbit Unisel.
- Baharom, S. (2014). 10 lonjakan mantapkan pendidikan tinggi. *Pendidikan*, Utusan Malaysia.
- Esa, A., Yunos, J. M., & Kaprawi, N. (2005). Kebolehpercayaan inventori kemahiran generik. *Jurnal Sains Sosial*, 3(1), 41-57.
- Hassan, H., Ahmad, R., & Bahari, A. (2008). *Kemahiran Insaniah dan kepentingan penerapannya dalam Program Baktisiswa Perdana UniMAP*. Perlis: Penerbit UniMAP.
- Jabatan Perdana Menteri (2015). *Memperkukuhkan modal insan dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (2016-2020)*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2006). *Modul pembangunan dan Kemahiran Insaniah (soft skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Manaf, R. A., & Fauzee, M. S. O. (2002). *Kepentingan kokurikulum dalam sistem pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Pusat Kursus Umum dan Ko-kurikulum (2012). *UTM dan Khidmat Komuniti*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
-

- Pusat Pembangunan Akademik (2007). *Panduan Kemahiran Insaniah (soft skills) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Pusat Pembangunan Akademik (2012). *Garis Panduan Pembangunan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Ramli, A. R., Ibrahim, A., Rahman, M. N. C. A., & Endut, A. (2007). Program ketrampilan graduan untuk pelajar Universiti Darul Iman Malaysia. *Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi*.
- Sulong, M. S. *et al.* (2015). *Khidmat Komuniti Siswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
-